



KES ADUAN: KEROSAKAN LAMPU JALAN DI ALAM IMPIAN, SHAH ALAM

- **ADUAN:** Kerosakan berulang lampu jalan di Persiaran Panglima Hitam, Alam Impian, Shah Alam.

CATATAN LAIN





- Jalan raya masih berada di bawah **tanggungjawab pemaju**, I & P Group Sdn. Bhd.
- Jalan raya ini **belum diserahkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)** kerana pembangunan projek pemaju masih di tahap 40% (belum mencapai tahap 80%).
- Penduduk kawasan ini sudah mula membayar **cukai taksiran MBSA**.



TINDAKAN PEMBETULAN

- Jabatan Kejuruteraan **MBSA** telah memeriksa dan membaiki **peti pengagih (feeder pillar)** pada **6 Feb. 2018** (walaupun perkara ini sepatutnya dilakukan oleh pemaju) dengan **menggunakan cagaran pemaju**.



PUNCA KEROSAKAN BERULANG

- Perbuatan **vandalisme** oleh individu tidak bertanggungjawab yang mencuri **pendawaian** di dalam **peti pengagih**.

TINDAKAN PENCEGAHAN

- **Peti pengagih (feeder pillar)** bagi bekalan elektrik untuk lampu jalan di Persiaran Panglima Hitam, Alam Impian perlu dipasang dengan **monkey bar**.
- Keperluan peti pengagih (feeder pillar) yang **dilengkapi** dengan **monkey bar** perlu dimasukkan dalam **syarat kelulusan pelan lampu jalan** pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada pihak **pemaju** untuk projek pembangunan yang baru:
 - bagi **jalan utama**: 3 bar; dan
 - bagi **jalan dalam kawasan perumahan**: 2 bar.



Sebelum dibaiki

Selepas dibaiki

BPA TURUN PADANG

